

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH  
[ KUALA TERENGGANU ]**

**TARIKH : 17.3.2016**

**SOALAN :**

**Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk mengambil sikap lebih bertimbang rasa dan "Compassionate" melalui pendekatan terhadap masalah-masalah kewangan pelajar-pelajar memandangkan pemotongan yang banyak peruntukan pendidikan dan potongan besar bantuan murid-murid miskin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhotmat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat kebajikan murid terutamanya daripada keluarga miskin dan berpendapatan rendah di semua sekolah di bawah KPM. Walaupun terdapat pengurangan peruntukan kewangan kepada KPM dalam Bajet 2016, namun KPM tidak membuat pemotongan peruntukan pendidikan yang melibatkan bantuan kepada murid-murid di sekolah. Bantuan pendidikan masih diteruskan bagi memastikan setiap murid mendapat peluang pendidikan yang sama tanpa mengira bangsa, agama dan negeri.

RJM25